

PERANAN UTAMA INSTITUSI MASJID DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MUKMIN

Nasron Yaacob¹

¹Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Islam Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Corresponding Author: Muhammad Nasron bin Yaacob. Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Islam Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Email: drnasron@gmail.com

Abstrak

Masjid merupakan institusi agama Islam yang menjadi syiar kesatuan umat Islam sepanjang zaman khususnya melalui peranan dan fungsi yang dimainkan untuk kemaslahatan masyarakat. Pengurusan masjid hari ini telah menganjurkan pelbagai inisiatif berbentuk kebajikan, kemudahan, sumbangan, bengkel kursus dan sebagainya yang bertujuan mendekat dan memesrakan masyarakat dengan masjid. Namun dalam meraikan inisiatif tersebut, fungsi dan peranan utama masjid tetap tidak boleh ditinggal dan diabaikan. Ini kerana peranan utama tersebut hanya boleh dan sesuai dilaksanakan oleh institusi masjid sahaja, sedangkan senarai inisiatif yang dinyatakan tadi hanyalah sumbangan sampingan yang sebenarnya telah dipertanggungjawabkan kepada agensi atau badan berkanun kerajaan yang berkaitan. Objektif kajian adalah menjelaskan peranan utama institusi masjid dan kepentingannya dalam proses pembentukan keperibadian mukmin. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang mengkoleksikan data dari dokumen *turath* dan kontemporari berkenaan masjid dan fungsinya dalam pengajian Islam. Data dokumentasi dikumpulkan dari buku-buku, artikel jurnal, prosiding seminar dan seumpamanya agar dapatan yang diperolehi adalah jitu dan berautoriti. Hasil dapatan kajian menyenaraikan tugas sebagai pusat pengajian ilmu Islam dan pembersihan diri mukmin melalui kefahaman ilmu tersebut, adalah sebagai senarai peranan utama masjid. Peranan ini dapat dirangkumkan melalui konsep *tahalli* dan *takhalli*. Kepentingannya kepada awam ialah membekalkan kefahaman agama, membudayakan praktikal amali, memupuk sikap istiqamah dengan pemahaman agama yang dianuti, dan memupuk kesedaran mengenai kontra subversif berteraskan ilmu dan agama. Peranan utama masjid dan kepentingannya ini perlu diperkasakan agar keberadaan masjid dalam komuniti masyarakat sangat dihargai dan diperlukan, seterusnya berjaya merealisasikan pembentukan anggota masyarakat yang berperibadi mukmin sejati.

Kata kunci: Peranan, Masjid, Peribadi, Mukmin.

(THE MAIN ROLE OF THE MOSQUE INSTITUTION IN THE PERSONAL FORMATION OF BELIEVERS)

Abstract

The mosque is an Islamic religious institution that has become a symbol of the unity of Muslims throughout the ages, especially through the roles and functions it plays for the benefit of the community. Today's mosque management has organized various initiatives in the form of welfare, facilities, donations, course workshops and so on that aim to bring the community closer and closer to the mosque. However, in celebrating these initiatives, the main functions and roles of the mosque cannot be left behind and ignored. This is because the main role can only and appropriately be carried out by the mosque institution, while the list of initiatives stated earlier is only a side contribution that has actually been entrusted to the relevant government agencies or statutory bodies. The objective of the study is to explain the main role of the mosque institution and its importance in the process of forming the personality of believers. This study is a qualitative study that collects data from traditional and contemporary documents regarding the mosque and its function in Islamic studies. Documentation data was collected from books, journal articles, seminar proceedings and the like so that the findings obtained are accurate and authoritative. The study findings list the tasks as a center for the study of Islamic knowledge and the purification of believers through the understanding of this knowledge, as a list of the main roles of the mosque. This role can be summarized through the concept of tahalli and tahalli. Its importance to the public is to provide religious understanding, cultivate practical practices, cultivate an attitude of istiqamah with the religious understanding that is embraced, and cultivate awareness of counter-subversiveness based on knowledge and religion. The main role of the mosque and its importance need to be strengthened so that the presence of the mosque in the community is highly appreciated and needed, thus successfully realizing the formation of members of society who have the personality of true believers.

Keywords: Mosque, Character, Believer, Mukmin

Received: June 16, 2024

Accepted: September 3, 2024

Online Published: October 31, 2024

1. Pendahuluan

Tajuk artikel ini ialah; Peranan Utama Institusi Masjid Dalam Pembentukan Peribadi Mukmin. Peranan bermaksud bahagian sandiwara, pekerjaan dan tugas yang dipegang. Ia merujuk pada tugas yang dipertanggungjawabkan dan yang perlu dilaksanakan. Utama ialah penting sekali, terpenting, paling baik, amat baik dan terbaik. Institusi pula ialah badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu. Institusi yang dimaksudkan di sini ialah masjid. Masjid ialah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Pembentukan pula bermaksud perihal, perbuatan, usaha dan seumpamanya. Peribadi membawa erti manusia sebagai diri sendiri, dan sifat-sifat,

kelakuan, sikap seseorang yang sudah sebatu dengan dirinya sendiri untuk merupakan wataknya yang terasing daripada yang umum. Mukmin pula merujuk kepada orang yang percaya kepada Allah, atau orang yang beriman (Baharom, N., Ghani, M. N., Ahmad, I., Supardi, A., Kamin, S., Tajudin, A., Jabbar, S., Khalid, H., Abdullah, R., 2005). Maka dapat dijelaskan bahawa tumpuan tajuk kajian artikel ini adalah tentang tugas terpenting dan terbaik yang dipikul dan akan dilaksanakan oleh organisasi pengurusan masjid sebagai pusat ibadah umat Islam, terhadap usaha merupakan dan menentukan watak individu mukmin yang beriman kepada Allah SWT.

Objektif penulisan artikel ini ialah menjelaskan peranan utama yang perlu dimainkan oleh institusi masjid sebagai pusat pendidikan Islam dan kepentingannya dalam membina dan membentuk jati diri keperibadian mukmin. Kajian ini adalah berdasarkan permasalahan tentang sejauh mana masjid dapat melaksanakan tugasannya dalam menyediakan ilmu agama yang dapat dihayati oleh masyarakat dan merealisasikan pembentukan peribadi mukmin dalam masyarakat. Ada kuliah agama yang tidak mencapai sukatan standard pengajian Islam, kerana bersifat sempit dan hanya memfokuskan aliran ilmu yang dianuti semata-mata. Kuliah agama sendiri kadang-kadang disusun tidak menepati kesesuaian masa pengajian dan kekerapannya, sehinggakan ahli jemaah hilang tumpuan. Lebih malang apabila kuliah agama menjadi medan pertempuran pertikaian pendapat dan aliran berkenaan isu ijthad dan cabang agama di antara para pengkuliannya. Hasilnya ialah kerencatan pada proses pembentukan peribadi mukmin dalam kalangan ahli jemaah masjid.

Persoalan kajian di sini ialah tentang peranan sebenar yang perlu digerakkan oleh institusi masjid dalam kalangan masyarakat awam khususnya atau kalangan ahli jemaah masjid, melalui penganjuran kelas dan kuliah agama. Dan apakah kepentingan peranan yang sepatutnya dihasilkan oleh masjid tersebut, agar proses pembentukan peribadi mukmin dalam kalangan ahli jemaah dan masyarakat setempat dapat direalisasikan dengan sebaiknya. Artikel akan cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Sumbangan hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat Islam di segenap lapisan, demi mencapai keharmonian hidup di dunia dan juga di akhirat. Institusi masjid sendiri dapat memanfaatkan dapatan ini untuk pengurusan yang lebih sistematik dan bermatlamat, serta membezakannya daripada tugas sampingan dan sokongan yang lain agar matlamat dalam pembinaan masjid yang sebenar seperti yang dianjurkan agama dapat dijadikan sebagai suatu yang realiti.

2. Metodologi

Artikel ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kajian yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (Baharom et al., 2005). Skop kajian adalah berkenaan peranan utama dan kepentingannya yang perlu dimainkan dan dicapai oleh institusi masjid dalam proses pembentukan peribadi mukmin masyarakat Islam. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui dokumen-dokumen yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada masalah kajian. Contoh dokumen yang boleh digunakan ialah buku, artikel jurnal dan kertas prosiding seminar. Kaedah analisis data pula melibatkan proses pemerhatian, merekod, mengumpul, memilih, mengasing data dan

memahami bila ia akan digunakan. Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi.


Contoh analisis kandungan yang dilakukan ialah tentang pengajian ilmu iman, Islam dan ihsan secara menyeluruh dan tepat, akan mampu menjayakan proses pembentukan peribadi mukmin yang diinginkan. Kejayaan tersebut adalah merujuk kepada proses berangkai dari penghayatan makna iman, kemudian dibuktikan dengan Islam, sehingga diwarnai dengan hasil ihsan. Selain itu, analisis lain ialah tentang peranan sebenar masjid dan kepentingannya adalah dapat diaplikasikan daripada sumber wahyu yang membicarakan tentang tujuan pengutusan Nabi SAW dan matlamat penyampaian dakwah Islam.

3. Dapatan

Merujuk pada ayat al-Quran ke-129 dari surah al-Baqarah, Allah SWT telah meletakkan peranan dan tugas yang perlu berlangsung dalam kehidupan seharian masyarakat Muslim, yang secara logiknya adalah digerakkan oleh masjid. Peranan tersebut berteraskan konsep *tahalli* dan *takhalli* melalui aktiviti pengisian dan pengajian ilmu-ilmu agama, serta aktiviti pembersihan diri atau minda dari anasir subversif.

Konsep *tahalli* dan *takhalli* akan menyajikan kepentingan yang positif kepada masyarakat. Kepentingan tersebut ialah membekalkan kefahaman agama yang sebenar tentang ajaran Islam, membudayakan kefahaman tersebut agar menjadi kebiasaan yang dimulakan dan ditarbiah di masjid, mengukuhkan kefahaman dan budaya tadi secara istiqamah dan konsisten, dan menjadi benteng ilmu dan pemikiran terhadap sebarang anasir subversif yang bertujuan melemah dan memusnahkan sistem dan budaya agama Islam yang difahami dan dibudayakan selama ini.

Rajah 1: Peranan Masjid & Kepentingannya



Sumber: Analisis Pengkaji

Sehubungan itu, institusi masjid sendiri perlu diperkasakan dengan penarafan yang lebih baik dan sistematik selepas ini. Selain dengan kempen jenama sekolah masjid, pihak berkuasa tempatan juga perlu memberikan perhatian yang lebih terhadap struktur organisasi

masjid, persiapan material yang diperlukan, penilaian berkala terhadap pemerkasaan peranan, dan semua aspek yang berkaitan. Kajian ini berharap institusi masjid dapat menjadi benteng terakhir ummah, dan akan kembali memainkan peranannya yang utama, di samping menonjolkan kepentingan peranan tersebut kepada masyarakat dengan sebaiknya sepertimana yang diwariskan oleh generasi awal umat Islam sebelum ini.

4. Perbincangan

4.1 Pengenalan Institusi Masjid

Pengertian umum bagi masjid ialah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain (Baharom et al., 2005). Masjid juga diertikan sebagai suatu bangunan, gedung atau suatu lingkungan yang berpagar sekelilingnya yang didirikan secara khusus sebagai tempat beribadah kepada Allah SWT khususnya untuk mengerjakan solat. Istilah masjid sebenarnya berasal daripada kata *sajada*, *yasjudu* yang bererti bersujud atau menyembah (Dasuki, H., Ambariy, H., Madjid, N., Daradjat, Z., Masduki, R., 2004).

Ketika Nabi SAW berhijrah ke Madinah, salah satu perkara utama yang direncanakan ialah pembinaan masjid, sebagai pusat perkumpulan utama golongan Muhajirin dan Ansar pada waktu itu. Agenda utama perkumpulan tersebut adalah mendapatkan kefahaman Islam, serta menghayati dan konsisten dengan ajarannya. Masjid juga berfungsi sebagai pencetus semangat persaudaraan Islam, meraikan persamaan dan keadilan, serta menjadi pengikat pada konsistensi umat Islam dengan syariat dan hukum-hakam Islam yang berteraskan pengetahuan dan ilmu (al-Buti, 1998). Wahyu pertama Islam sendiri mengajarkan pencarian ilmu adalah berteraskan keimanan kepadaNya. Justeru antara ilmu utama agama yang perlu diajari di masjid ialah berkenaan Islam, iman dan ihsan sebagaimana penjelasan dalam hadis Jibril AS (*Sahih al-Bukhari*, no hadis: 50; *Sahih Muslim*, no hadis: 9). Ketiga-tiga ilmu tersebut merupakan tonggak utama kefahaman seseorang Muslim, dan menjadi asas dalam cara kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT.

4.2 Pembentukan Peribadi Mukmin

4.2.1 Konsep Peribadi Mukmin

Mukmin bererti orang yang beriman, yang kata dasarnya merujuk pada perkataan *amana*, *yu'min*, *imanan* yang secara umumnya bererti membenarkan (*tasdiq*). Makna istilah bagi iman ialah membenarkan atau percaya dengan hati terhadap segala yang dibawakan oleh Nabi SAW (al-Maydani, 1997). Iman juga merupakan asas dan usul bagi syariah, yang keduanya saling berkait di antara satu sama lain dan tidak boleh dipisahkan (Sabiq, 2000). Lokasi lubuk iman ialah hati dengan penampilan rasa bahagia, pengakuan kepercayaan dan penghayatan pada keindahannya (Ibn Kathir, 2000):

Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka. (Q. 58, 22)

Iman yang benar mesti disertai oleh amal yang soleh. Kerana itu perkataan iman dalam al-Quran biasanya akan disertai dengan amal soleh, untuk merujuk kepada konsep ibadah yang diterima oleh Allah SWT kerana mencukupi syarat yang ditetapkan. Carian

dalam al-Quran tentang ayat-ayat yang menyatakan ikatan iman dengan amalan soleh ialah mencatat bilangan sebanyak 58 ayat (al-Baqi, 1995).

Kaitan iman dengan amalan ini diwakili oleh konsep iman dan Islam sebagaimana rujukan pada hadis Jibril. Maka hubungan iman dengan Islam secara langsung akan menghasilkan konsep ihsan yang ditampilkan melalui akhlak dan tingkah laku. Ketiga-tiga asas dan teras inilah yang akan membentuk keperibadian dalam diri seseorang mukmin. Contoh paling tepat berkenaan individu yang sempurna dengan keperibadian mukmin ialah Nabi Muhammad SAW, seperti terjemahan ayat al-Quran berikut:

Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia (Q. 68: 4)

Tafsiran Ibn ‘Abbas terhadap akhlak Nabi SAW ialah sebagai agama yang agung, di samping pengiktirafan hadis ‘A’isyah RA; “*Akhlaknya (Nabi SAW) adalah al-Quran*” (Ibn Kathir, 2000). Ia menjelaskan akhlak yang disifati oleh Nabi SAW adalah agama Islam sendiri, yang menggambarkan penghasilannya adalah daripada asuhan akidah dan syariah Islam.

Justeru dapat dirumuskan bahawa keperibadian mukmin adalah satu komponen seni yang terdiri daripada iman, Islam dan ihsan yang setiapnya diwakili oleh istilah akidah, syariah dan akhlak. Komponen peribadi tersebut boleh diumpamakan dengan seponon pokok, yang akarnya ialah iman, manakala batang, dahan dan daunnya ialah Islam, sedang buah dan bunganya pula ialah ihsan. Kerana itu Islam dan ihsan atau akhlak mestilah berakarkan iman yang sebenar. Suburnya Islam adalah kerana imannya yang asli, manakala akhlak pula hasil dari Islam yang sihat, dan iman yang tulus dan utuh. Maka iman dalam diri seseorang mukmin perlu diperkasa dan dipastikan selari dengan akidah agama demi untuk melahirkan praktikal syariah dan akhlak yang terpuji.

4.2.2 Proses Pembentukan

Peranan masjid dan proses pembentukan keperibadian mukmin adalah suatu rantaian tugas yang tidak dapat dipisahkan. Hakikat ini ditegaskan oleh al-Quran sebagaimana terjemahan berikut:

Hanya yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah. (Q. 9: 18)

Ayat ini menyatakan tentang kelayakan dan syarat golongan yang layak menghidupkan masjid Allah, ialah dengan memenuhi syarat keimanan, ibadah dan akhlak sebagaimana yang disebutkan. Syarat iman diwakili oleh keimanan kepada Allah dan hari akhirat, syarat ibadah pula melalui solat dan zakat, dan syarat akhlak ialah melalui sifat takut kepada Allah (Reda, 1368H). Syarat ini juga adalah terangkum dalam tiga teras kefahaman agama iaitu iman, Islam dan ihsan. Penerapan ketiga-tiga teras ini ke dalam identiti masyarakat Muslim secara sesuai dan mudahnya ialah dilaksanakan melalui kelas dan pengajian ilmu agama.

Al-Quran telah menyatakan tentang pentingnya proses pembersihan diri yang berteraskan takwa, seperti terjemahannya berikut:

Sesungguhnya masjid yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang suka membersihkan diri, dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri. (Q, 9: 108)

Sifat takwa iaitu takut kepada Allah SWT dengan mentaati ajaranNya (Baharom et al., 2005), dan ia boleh dipupuk melalui proses pengajian agama yang benar. Masjid yang didirikan di atas niat takwa melalui pengajian ilmu agama, akan menjadi pusat pembersihan diri bagi Muslim sama ada pada aspek zahir seperti kebersihan badan dan pakaian, ataupun aspek batin seperti kebersihan rohani dari gejala riak, bakhil, sombong dan seumpamanya. Proses pembersihan diri menurut ayat di atas adalah melibatkan rohani dan jasmani sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat-riwayat hadis yang berkaitan dengannya (al-Maraghi, 1946).

Maka proses pembentukan identiti keperibadian mukmin yang unggul dan sejati adalah antara tugas utama masjid. Ia perlu diperkasakan oleh institusi masjid kerana kesesuaiannya sebagai pusat pengajian agama dan pembudayaan kefahaman Islam kepada masyarakat. Bahkan masjid juga sebenarnya adalah sebuah sekolah tidak formal kepada masyarakat yang bersesuaian dengan kondisinya. Peranan masjid sebagai sebuah sekolah tidak formal adalah diperlukan seumpama ini adalah diperlukan untuk mendepani cabaran sistem dualisme institusi sekolah formal, yang memisahkan di antara pengajian agama dari pengajian akademik yang meminggirkan ajaran agama sebagai landasan dan batasan kehidupan di dunia ini.

Dualisme pengajian di peringkat institusi pengajian formal telah mengasuh sebahagian besar masyarakat Muslim dengan keciciran dalam pemahaman dan penghayatan ilmu agama yang sewajarnya. Justeru itu pengajian agama tidak formal di masjid yang akan melibatkan semua lapisan masyarakat, adalah menjadi cara yang terbaik, mudah dan paling sesuai untuk memberikan peluang pengajian ilmu agama kali kedua kepada golongan atau lapisan masyarakat yang keciciran. Oleh itu selayaknya institusi masjid perlu dikenali sebagai sekolah masjid, di atas peranannya yang menyediakan pengajian tidak formal tetapi bersesuaian dengan tuntutan penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat Muslim.

4.3 Peranan Utama Masjid

Karya dan idea ilmuwan Muslim pada hari ini berkenaan peranan masjid telah menyenaraikannya dengan beberapa peranan yang melibatkan keperluan umum masyarakat. Antaranya ialah masjid sebagai pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat, pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi, pusat penginapan Muslim, dan mesra orang kelainan upaya (OKU) (Wahab, et al., 2017). Pembangunan ekonomi juga menjadikan masjid mempunyai tugas spesifik yang khusus, iaitu melalui penubuhan tabung khairat kematian, sumbangan makanan asasi fakir miskin, bantuan bencana, pemberian wang anugerah, dan projek pembangunan ekonomi setempat (Abd Wakil et al., 2024). Banyak lagi idea penulisan yang menjadi cadangan kepada pembangunan aktiviti masjid yang lebih mampan, yang tidak dapat dinukilkan oleh artikel di sini. Namun, aktiviti-aktiviti tersebut sebenarnya juga telah digerakkan oleh pihak-pihak seperti NGO, agensi dan

badan berkanun kerajaan yang berautoriti. Maka yang perlu diteliti semula oleh masjid adalah tentang sejauh mana tugas dan peranan utamanya sebagai sebuah institusi agama dalam masyarakat yang telah dapat dilaksanakan dengan sewajarnya, sebagaimana tuntutan agama Islam.

Dari sudut sejarah pembinaannya, masjid merupakan medan lapangan yang menggerakkan agenda dakwah Nabi SAW. Al-Quran menjelaskan agenda dakwah yang dibawa oleh Nabi SAW adalah seperti berikut:

Wahai Tuhan kami, utuslah kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayatMu dan mengajarkan mereka isi kandungan kitab (al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). (Q. 2: 129)

Terjemahan ayat di atas menjelaskan tugas Nabi SAW seperti yang didoakan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail AS ialah membacakan ayat Allah tentang tauhid, risalah agama, hari kebangkitan, dan seumpamanya daripada ajaran agama. Nabi SAW juga dituntut mengajarkan al-Quran dan hikmah, iaitu rahsia dan tujuan hukum agama dan syariah kepada umatnya. Dan bacaan serta ajaran tersebut tidak akan dapat mendidik dan mentarbiah ummah kecuali dengan pendidikan teladan praktikal tentang akhlak mulia dan peringatan tentang akhlak buruk, untuk pembersihan individu dari syirik dan dosa maksiat (Reda, 1368H).

Proses ini dikenali dengan konsep *tahalli* dan *takhalli*. *Tahalli* adalah kata terbitan dari perkataan *tahalla*, membawa erti; bersifat dengan fadilat atau kelebihan tertentu. Manakala *takhalli* pula adalah kata terbitan dari perkataan bahasa Arab *takhalla*, yang bererti; meninggalkan dan mengosongkan (Dayf, 2004). Antara tokoh ulama yang membicarakan tentang *tahalli* dan *takhalli* ini ialah al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' 'Ulum al-Din* (Wandira, Saleh & Fuadi, 2023). Hamidat (2010) menjelaskan bahawa al-Ghazali menggunakan konsep *tahalli* dan *takhalli* dalam tasawuf sebagai tarbiah yang praktikal yang berkesan selepas perolehan ilmu dan pengetahuan. Berbekalkan ilmu dan pengetahuan, konsep *tahalli* atau pengisian dengan kebaikan, dan *takhalli* atau pembersihan daripada keburukan dalam praktikal dan amalan akan dapat direalisasikan dengan sebaiknya.

Kajian artikel di sini pula membawakan pendekatan konsep *tahalli* dan *takhalli* yang lebih umum berkenaan peranan utama masjid, berdasarkan ayat 129 dalam surah al-Baqarah:

Jadual 1: Peranan Utama Masjid

Terjemahan Q. 2: 129	
membacakan kepada mereka ayat-ayatMu dan mengajarkan mereka isi kandungan kitab (al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan	membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat)
Tugasan	
↓	↓
Pengajian agama	Pembersihan diri
<i>Tahalli: Pengisian kebaikan</i>	<i>Takhalli: Pembersihan keburukan</i>

Sumber: Analisis Pengkaji

Lokasi paling sesuai untuk proses *tahalli* dan *takhalli* yang melibatkan masyarakat awam ialah di masjid sebagaimana dalam perbincangan tentang proses pembentukan sebelum ini. Dari sudut sejarah, Nabi SAW pernah mengumpulkan Sahabah RA di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam, dan menjadikannya sebagai pusat pengajian ilmu agama dan medan bagi pemprosesan *tahalli* dan *takhalli*. Keadaan tersebut berlangsung dalam fasa dakwah Islam secara sembunyi di Mekah, terutama apabila bilangan umat Islam telah melepasi bilangan seramai tiga puluh orang (al-Buti, 1998). Apabila Nabi SAW berhijrah ke kota Madinah selepas itu, maka masjid telah dibina untuk dijadikan sebagai pusat pengajian agama yang utama kepada masyarakat Islam di atas keperluan *tahalli* dan *takhalli*. Justeru tugas utama inilah juga yang perlu menjadi tanggungjawab utama semua masjid di dunia masa kini.

4.4 Sekolah Masjid; Suatu Konsep

Sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran (Baharom et al., 2000). Agenda sekolah di Malaysia adalah berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bukan sekadar memberikan ilmu pengetahuan, tetapi juga bermatlamatkan pembentukan diri (<https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>).

Menurut Kamus al-Munjid (1986), masjid dari segi bahasa bermaksud tempat untuk bersujud atau tempat yang dijadikan untuk beribadah. Selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan, masjid juga mempunyai peranan pendidikan dan pentarbiahan tersendiri. Hamka (1985) menjelaskan bahawa masjid bukan hanya sekadar lokasi ibadah semata-mata tetapi juga menjadi pusat pembangunan insan, dan tempat latihan penyuburan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah SWT. Sejarah Islam mencatatkan bahawa sistem pengajian agama sudah bermula sejak zaman Nabi SAW lagi iaitu melalui istilah *halaqat*, di mana para Sahabah RA akan bertalaqi ilmu-ilmu agama daripada baginda SAW (Kadir, 2007). Selain berfungsi sebagai pusat ibadah seperti solat berjemaah dan zikir, masjid juga menjadi pusat pengajian ilmu agama yang aktif (Shalabi, 1954). Justeru jelas sekali bahawa antara fungsi utama institusi masjid ialah sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu agama.

Kelas agama yang dilangsung di masjid adalah bersifat pendidikan tidak formal. Ini kerana kelas agama tersebut tidak memiliki kurikulum yang khusus, tiada penilaian pengajian yang sistematik, dan kehadiran yang menurut pilihan individu yang belajar. Ia juga biasanya melibatkan pelajar dewasa dan golongan yang sudah berumur sahaja (Kadir, 2007). Justeru itu institusi masjid perlu dibangunkan sebagai sebuah pusat pendidikan tidak formal yang terkemuka dalam kalangan komuniti Muslim kontemporari (Jusoh, Jamaludin & Samah, 2022).

Kadir (2007) telah menjalankan satu kajian berkenaan keberkesanan kelas agama di masjid daerah Hulu Langat, Selangor terhadap ahli jemaahnya. Fungsi utama masjid sebagai pusat penyebaran ilmu agama dapat direalisasikan melalui penganjuran kelas-kelas agama, walaupun sambutannya mengalami pasang surut. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti keberkesanan kelas agama terhadap peningkatan ilmu dan amalan harian ahli jemaah. Ternyata hasil kajian mendapati kelas-kelas agama masjid yang dianjurkan itu telah berjaya meningkatkan tahap ilmu dan keaktifan amal ibadah dalam kalangan ahli jemaahnya. Kajian

tahap ilmu adalah melibatkan ilmu akidah, ibadah, akhlak dan isu-isu semasa. Manakala kajian pengamalan ialah melibatkan perubahan ibadah, pengurusan kewangan, amalan berkasih sayang, amalan saling membantu, dan amalan pencegahan kemungkar.

Konsep sekolah masjid tidak memfokuskan kepada lapisan masyarakat tertentu. Ia akan melibatkan masyarakat awam yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. Oleh kerana pengajian dalam sekolah masjid adalah bersifat awam, maka tahap dan sukatan pengajiannya juga hanya perlu mencakupi perkara umum ilmu agama. Pengajian ilmiah yang sesuai dipelajari melalui pengajian formal adalah tidak sesuai menjadi subjek pengajian sekolah masjid kerana masalah kemampuan penguasaan ilmu. Walaupun pengajian di masjid adalah bersifat umum, namun ia merangkumi kesemua ajaran agama fardu ain yang wajib diketahui dalam bidang akidah, syariah dan akhlak.

Matlamat utama pengajian awam ini agar lapisan masyarakat yang berkaitan mendapat peluang dan kesempatan untuk memahami ajaran agama dalam tempoh usia dan kesempatan masa yang masih ada. Peluang ini akan dijadikan bekal dalam perjalanan kehidupan yang abadi selepas meninggalkan dunia yang fana ini. Oleh kerana kesempatan mendalami agama tidak sempat dimanfaatkan semasa usia yang muda, maka sekolah masjid ini akan dapat memenuhi keperluan golongan warga emas untuk kembali kepada ajaran fitrah insan yang asli dan sebenar. Di samping itu, sekolah masjid juga boleh dimanfaatkan oleh lapisan masyarakat dewasa dan remaja. Tidak semua golongan dewasa dan remaja berpeluang mencari ilmu agama di peringkat awal usia mereka dengan mudah. Isu kesibukan, berkerjaya, bidang pengajian bukan aliran agama, dan masalah lain lagi memungkinkan seseorang itu hilang tumpuan dan peluang untuk mendalami dan menghayati ilmu agama. Maka pastinya sekolah masjid akan menyediakan keperluan yang dihajati itu. Sukatan pengajian agama yang asasi sudah memadai bagi mereka untuk menjadi Muslim yang mengamalkan kehidupan Islam yang asli dan sebenar.

4.5 Kepentingan Sekolah Masjid

Kejayaan peranan dan tugas *tahalli* dan *takhalli* yang ditekuni oleh masjid dapat dinilai berdasarkan pencapaian kepentingannya kepada masyarakat awam, seperti berikut:

4.5.1 Kefahaman Islam

Proses memahami Islam secara tepat adalah melibatkan tindakan hati dan iman atau akidah melalui penerapannya dalam akal seseorang. Maka siri kuliah dan kelas pengajian agama yang ditaja oleh masjid akan dapat membuka peluang kepada masyarakat untuk sentiasa meningkatkan kefahaman sebenar tentang agama Islam, di samping menyingkirkan unsur negatif daripada dalam diri. Allah SWT sendiri meletakkan asas ilmu sebagai pintu untuk sampai kepada agenda dakwah Islam di muka bumi ini:

Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Q 96: 1-5)

Iman (akidah), Islam (syariah) dan ihsan (akhlak) merupakan tiga teras utama yang menjadi tonggak dalam keperibadian seseorang mukmin. Namun penghayatan terhadap tiga

teras agama tersebut tidak akan tercapai kecuali dengan pengajian ilmu dan pengetahuan tentangnya. Kadir (2007) telah membuktikan hakikat ini melalui kajiannya sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Justeru itu, kaedah mencapai sasaran kefahaman Islam perlu bermula dengan ilmu pengetahuan secara teori tentang ajaran agama, sebelum diterapkan melalui proses penghayatan secara sempurna.

Kandungan pengajian akidah ialah melibatkan enam rukun iman, iaitu keimanan kepada Allah, malaikatNya, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat dan keimanan pada takdirNya. Pengkategorian rukun iman ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu *Ilahiyyat* (ketuhanan; Allah & takdirNya), *Nubuwwat* (kenabian; para nabi dan kitab-kitab) dan *Sam'iyat* (khabar; alam kerohanian dan hari akhirat) (Husin, 1995). Walau bagaimanapun, ada kalangan ilmuan Islam mengkategorikan rukun iman menurut pengkategorian yang lain. Antaranya; *Ilahiyyat*, *Nubuwwat*, *Ruhaniyyat* dan *Sam'iyat* (al-Banna, 1995). Selain itu kategori lain ialah; *Ilahiyyat*, *Nubuwwat*, *Kawniyyat* dan *Ghaybiyyat* (al-Buti, 1982). Walau apa kategori sekalipun, ia tetap berlegar tentang rukun iman yang enam tersebut.

Keimanan terhadap rukun-rukun ini bermaksud menjadikannya sebagai kepercayaan dan keyakinan hati yang tidak berbelah bagi. Keraguan terhadapnya melahirkan individu yang bersifat munafik. Tiada pengesaan dan tauhid akan menyebabkan individu menjadi musyrik. Dan tidak mempercayai salah satu rukun tersebut menjadikan seseorang sebagai kafir. Kepercayaan kepada rukun-rukun iman ini menjadi teras pertama dalam proses pembentukan keperibadian mukmin.

Kandungan pengajian syariah pula memandu proses pembentukan keperibadian mukmin kepada praktikal hukum-hakam sebagai aturan dan landasan kehidupan beragama. Ia merangkumi hukum-hakam tentang ibadat, munakahat, muamalat, jenayah, perundangan dan lain-lain lagi. Individu berperibadi mukmin akan konsisten menuruti dan mematuhi hukum-hakam syariah sebagai membuktikan kebenaran dan ketulusan akidahnya, sebagaimana terjemahan al-Quran berikut (Ibn Kathir, 2000):

Bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang dia pula berusaha supaya baik amalannya, maka dia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya. (Q. 2: 112)

Kandungan pengajian akhlak pula memupuk sifat ikhlas dalam diri mukmin pada setiap tindakan kehidupannya. Akhlak yang menepati makna ihsan akan diterjemahkan sebagai beribadat di hadapan Allah dalam keadaan penuh tertib dan tulus. Namun sekiranya kondisi ibadah seumpama itu tidak mampu dilakukan, maka perlu diketahui bahawa Dia sentiasa sedang memerhatikan. Kerana itu praktikal terhadap akidah dan amalan syariah perlu dilaksanakan menepati tuntutan akhlak yang ikhlas dan tulus kepada Allah SWT (Ibn Kathir, 2000).

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar. (Q. 98: 5)

Hakikatnya bahawa kepentingan kefahaman Islam ini telah ditegaskan oleh Nabi SAW sebagai suatu anugerah kebaikan daripada Allah SWT:


Sesiapa yang Allah mengkehendaki baginya kebaikan, nescaya Dia memahamkannya dalam agama. (Sahih al-Bukhari, no hadis: 71; Sahih Muslim, no hadis: 1037)

Kefahaman dalam agama di sini bermaksud pengajian tentang ilmu asas agama, dan ilmu-ilmu yang menjadi *furu'* atau cabang agama. Abu Ya'la juga membawakan satu hadis daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan, sebagaimana terjemahannya; "*sesiapa tidak memahami agama nescaya Allah tidak mempedulikannya*". Walaupun hadis ini dihukumkan lemah (*da'if*), tetapi maknanya diakui sah dan benar. Alasannya ialah sesiapa yang tidak memahami agama, maka dia boleh dianggap sebagai tidak mahukan kebaikan yang sebenar dan hakiki daripada Allah SWT (al-'Asqalani, 1989).

4.5.2 Pembudayaan Praktikal Amali

Sepanjang kelangsungan kuliah dan kelas pengajian agama, ahli jemaah sebenarnya berpeluang untuk mempraktikkannya secara terus dalam ibadat praktikal khususnya di masjid. Konsep iman (akidah), Islam (syariah) dan ihsan (akhlak) sebenarnya sudah boleh dibuktikan pengamalannya melalui ibadah solat, puasa, bacaan al-Quran, sedekah dan seumpamanya. Contohnya dalam bacaan al-Quran, praktikal akidahnya ialah menentukan niat dan kepercayaan yang betul untuk membaca al-Quran. Praktikal syariahnya pula ialah mendisiplinkan bacaan dengan tajwid sebagaimana yang menepati ketetapan hukumnya. Sedang praktikal akhlak pula ialah menyantuni dan menghayati maksud yang terkandung dalam ayat tersebut. Pembudayaan praktikal sebeginilah yang akan menyuburkan adat kebiasaan dan budaya yang berteraskan sunnah agama dalam kehidupan ahli jemaah masjid dan anggota masyarakat.

Rajah 2: Pembudayaan Praktikal Amali



Konsep pembudayaan amal soleh melalui praktikal amali ini adalah bertunjangkan iman yang menunaskan akhlak kasih sayang dalam kalangan anggota masyarakat (Ibn Kathir, 2000).

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatNya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang. (Q. 19: 96)

Antara masalah berkenaan ahli jemaah masjid ialah kehadiran adalah sedikit berbanding jumlah anggota masyarakat Muslim yang berada di penempatan berhampiran (Ashaari & Mokhtar, 2018). Bahkan ada kalangan anggota masyarakat yang tidak pernah menghadiri masjid sama ada untuk solat berjemaah atau mengikuti program pengimarahannya tertentu (Remly et al, 2019). Situasi ini telah menimbulkan masalah besar terhadap usaha penyampaian ilmu-ilmu agama kepada setiap individu dalam masyarakat, menyebabkan timbulnya masalah berkenaan pemahaman dan pembudayaan amalan mereka berpandukan ajaran Islam sebenar. Justeru sebarang usaha memupuk perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat melalui budaya ibadah di masjid tentunya tidak akan mencapai sasarannya kerana tiada penglibatan menyeluruh daripada lapisan masyarakat. Maka kesedaran mengenai pentingnya penglibatan dan penyertaan masyarakat dengan penganjuran konsep *tahalli* dan *takhalli* oleh sekolah masjid perlu diperkasakan setiap masa oleh semua pihak yang terlibat.

4.5.3 Istiqamah

Erti istiqamah menurut Kamus Dewan Bahasa (2005) ialah ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus. Institusi masjid sahaja yang paling sesuai menyantuni kepentingan peranan ini dalam tugas membimbing masyarakat mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Peranan utama masjid untuk membimbing masyarakat mencapai kepentingan istiqamah dalam beragama perlulah menjadi agenda utama pembinaan masyarakat Muslim. Al-Quran menjelaskan kepentingan istiqamah, seperti berikut:

Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan ilham): “Janganlah kamu bimbang dan berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu”. (Q. 41: 30)

Ibn Kathir (2000) mentafsirkan golongan yang istiqamah dalam ayat di atas ialah mereka yang mengikhlaskan amalan kerana Allah, beramal dengan mentaatinya sebagaimana dengan yang telah disyariatkan kepada mereka. Golongan yang konsisten dengan syahadah tersebut dan tidak pernah mensyirikkan Allah sehingga nyawanya yang terakhir, akan meninggal dunia dalam prinsip istiqamah tadi iaitu: “Tuhan kami ialah Allah”. Kerana itulah Nabi SAW berpesan melalui terjemahan sabdanya:

Sesiapa yang adalah akhir bicaranya ialah: “La Ilah illa Allah”, nescaya masuk syurga. (al-Mustadrak, no hadis: 1317 & 1866; Sunan Abi Dawud, no hadis: 3116)

Komuniti umat Islam yang paling ramai menghidupkan masjid pada hari ini ialah generasi warga emas dan para pesara kerajaan. Oleh kerana itulah antara pendekatan dakwah ideal yang perlu dilancarkan oleh pengurusan masjid ialah membimbing generasi emas masyarakat ini untuk melunaskan tuntutan persediaan mati seperti hadis Nabi SAW di atas. Kesedaran seumpama ini perlu sampai kepada semua generasi emas dalam segenap ceruk

mukim yang diurus oleh masjid tersebut, terutama kepada generasi warga emas yang masih terikat dengan budaya lama hedonismenya yang sebelum ini. Walaupun begitu, sasaran dakwah istiqamah masjid ini tidak sepatutnya berfokus kepada generasi emas masyarakat sahaja, kerana ajal tidak pernah mengenal usia. Justeru itu kepentingan dari peranan masjid ini perlu juga disebari kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira usia dan umur. Perancangan secara khusus masjid bolehlah difokuskan kepada murid tetap sekolah masjid iaitu warga emas, tetapi perancangan secara umum adalah mesti melibatkan segenap lapisan masyarakat Muslim termasuk generasi kanak-kanak, remaja dan dewasa.

4.5.4 Kontra Subversif

Jika kepentingan kefahaman agama, pembudayaan praktikal amali dan istiqamah menjadi implikasi bagi konsep *tahalli*, maka kepentingan terakhir ini iaitu kontra subversif pula merupakan dapatan khusus daripada konsep *takhalli*. Kontra bermaksud menentang, melawan dan tidak menyokong. Subversif pula bermaksud usaha melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem seperti sistem keagamaan, dengan menjalankan aktiviti tertentu secara sulit (Baharom et al., 2005).

Antara isu cabaran pemikiran umat Islam masa kini ialah pengaruh kefahaman salah terhadap kehidupan. Ideologi moden dan ajaran sesat adalah menjadi agenda utama dalam gerakan dan aktiviti subversif yang menggelincirkan umat Islam dari landasan agama. Contoh ideologi moden yang dimaksudkan di sini ialah sekularisme, liberalisme, dan materialisme. Manakala contoh bagi ajaran sesat ialah ajaran Batiniah yang kemudiannya melahirkan pelbagai ajaran sesat lain seperti Qadianiah, Hasan Anak Rimau dan ajaran Ayah Pin. Kedua-dua agenda subversif ini tidak dapat dinafikan kewujudannya dalam kalangan masyarakat Muslim sekarang. Agenda seumpama ini juga akan menjadi penghalang kepada kejayaan penghayatan peranan masjid dan kepentingannya kepada masyarakat Islam.

Melalui kempen sekularisme, pengajian agama tidak akan diberikan perhatian serius oleh masyarakat. Ini kerana kempen sekularisme mengajari penilaian terhadap kehidupan adalah berlandaskan rasional dan eksperimen akal yang tidak memerlukan rujukan pada ajaran agama. Tidak perlu pengajian agama khususnya di masjid dihayati sepenuhnya dalam kehidupan kerana kehidupan yang moden dan realistik ialah berteraskan kepentingan dunia semata-mata sebagaimana anjuran sekularisme. Liberalisme pula mengajak masyarakat untuk berani menolak ajaran pengajian agama dan penghayatannya yang sudah menjadi adat dan budaya positif sekian lama. Materialisme pula memutlakkan kepentingan hidup hanya pada kehidupan dunia yang tiada akhiratnya (Yaacob, 2021).

Ajaran sesat Batiniah pula mengaplikasikan ajaran agama sebagai agenda kempenya kepada umat Islam. Mereka menggunakan ilmu tasawuf, hadis-hadis dan ayat al-Quran sendiri dengan mentakwilkannya menurut cita rasa sendiri dan berkepentingan diri tanpa berpandukan disiplin ilmu yang sebenar. Masyarakat yang tiada pengetahuan agama akan mudah terpengaruh dengan diayah sesat ini, lebih-lebih lagi ajarannya lebih mudah, bebas dan menepati kehendak syahawat keduniaan (Ibrahim, 1999).

Justeru itu pengajian ilmu agama perlu diperkasakan kepada masyarakat Muslim di semua peringkat generasi, terutamanya melalui penganjuran sekolah masjid. Peluang

pembersihan diri termasuklah dari unsur subversif juga perlu disokong oleh semua pihak dalam masyarakat, untuk mencapai kedudukan iman dan takwa yang sebenar.

Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. (Q. 7: 96)

5. Penutup

Masjid adalah satu institusi agama yang mempunyai peranan dan tugas yang sangat penting dalam proses pembentukan keperibadian masyarakat Muslim. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh sirah Nabi SAW yang membangunkan masjid di Madinah sebagai perancangan utama berkenaan agenda penubuhan negara Islam Madinah. Melalui masjid, proses dan usaha pembentukan keperibadian mukmin dapat dilaksanakan berdasarkan konsep *tahalli* dan *takhalli*, iaitu pengisian kebaikan berlandaskan ilmu agama, dan pembersihan keburukan yang diperingatkan bahayanya oleh agama.

Pembentukan keperibadian mukmin sebenarnya merupakan agenda penting dalam agama. Terasnya ada tiga iaitu iman atau akidah, Islam atau yang diwakili oleh syariah, dan terakhirnya ihsan yang mewakili pakej akhlak mulia. Peribadi yang diasuh dan ditarbiah dengan tiga teras ini akan bertemu pada satu titik iaitu takwa. Maka darjat takwa merupakan darjat dan kedudukan yang sempurna dalam kehidupan seseorang mukmin.

Tugas pembentukan kepribadian mukmin oleh masjid bukanlah sesuatu yang mudah untuk dijalankan. Hal ini adalah kerana sistem pengajian masjid bukanlah sistem pengajian formal seperti di sekolah yang mempunyai kelebihannya tersendiri. Oleh itu, masyarakat perlu diperkenalkan dengan konsep sekolah masjid, yang tidak terikat dengan peraturan yang ketat seperti sekolah, terbuka kepada semua lapisan masyarakat, sukatan pengajian adalah umum tetapi merangkumi semua ilmu fardu ain, serta meletakkan tujuan operasi adalah untuk menyediakan persiapan akhir kepada masyarakat segenap lapisan dengan bekalan ilmu agama.

Pemeriksaan konsep *tahalli* dan *takhalli* telah berjaya melahirkan kepentingan-kepentingan kepada masyarakat. Kepentingannya ialah dapat membekalkan kefahaman agama sebenar melalui pengajian ilmu agama di masjid, mengasuh pembudayaan praktikalnya, mengukuhkan istiqamah dan konsisten dalam diri, dan memupuk sikap kontra subversif terhadap sebarang anasir yang boleh mengancam akidah dan pemikiran umat Islam.

Justeru itu semua pihak perlu memahami dan menyokong peranan sekolah masjid dan kepentingannya agar kepimpinan masjid dalam masyarakat mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Masjid boleh dianggap sebagai pemangkin kebaikan dan pencegah keburukan yang berada di barisan pertahanan terakhir dalam kalangan masyarakat Muslim masa kini, yang akan mempertahankan Islam dan umat Islam daripada sebarang anasir subversif.

RUJUKAN

- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024). Pemeraksanaan Institusi Masjid Sebagai Pusat Bantuan Ekonomi Lokal Di Malaysia: Empowering Mosque Institutions as Local Economic Aid Centers in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 115-126.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani (1999). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-'Asqalani, Ibn Hajar (1989). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Banna, Hasan (1992). Risalah al-'Aqa'id; *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Kaherah: Dar al-Shihab.
- Al-Baqi, Muhammad Fu'ad 'Abd (1995). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1998). *Sahih al-Bukhari*. Susunan: Abu Suhayb al-Karami. Riyad: Bayt al-Afkar.
- Al-Buti, Sa'id Ramadan (1998). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Buti, Sa'id Ramadan (1982). *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (2020). *Ijma' al-'Awam 'an 'Ilm al-Kalam*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- al-Hajjaj, Muslim (1998). *Sahih Muslim*. Susunan: Abu Suhayb al-Karami. Riyad: Bayt al-Afkar.
- Al-Hakim, Muhammad al-Naysaburi (1986). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan (1997). *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Munjid fi al-Lughah wa al-I'lam* (1986). Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ashaari & Mokhtar. 2018. Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari* 10 (2): 205-224.
- Baharom, N., Ghani, M. N., Ahmad, I., Supardi, A., Kamin, S., Tajudin, A., Jabbar, S., Khalid, H., Abdullah, R., (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dasuki, H., Ambary, H., Madjid, N., Daradjat, Z., Masduki, R., (2004). *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayf, S., 'Atiyyah, Sh., Husein, A., Helmi, J., al-Najjar, A.B. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah (1985). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Husin, Mubarak Hasan (1995). *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aql wa al-Naql*. Menofia: Matba'ah Hamadah al-Hadithah.
- Ibn Kathir, Isma'il (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Sayyid Muhammad et. al. Giza: Mu'assasah Qurtubah.
- Ibrahim, Abdul Fatah Haron (1999). *Ahli Sunnah dan Wujudiah Batiniyah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Hamidat, Miloud (2010). Al-Tarbiyah al-Sufiyyah ‘ind al-Ghazali. *Majallah Hawliyyat al-Turath*, vol. 10, 93-106.
<https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K., & Samah, M. N. (2022). Elemen-Elemen Keberkesanan Program Pengimarahen Masjid Era Kontemporari: Kajian Analisis Keperluan: Elements Concerning the Effectiveness of the Immarah Program in Mosques in the Contemporary Era: A Need Analysis Study. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 76-82.
- Kadir, F. A. A. (2007). Keberkesanan kelas agama di masjid daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25, 73-88.
- Reda, Muhammad Rashid (1368H). *Tafsir al-Quran al-Hakim; al-Shahir bi Tafsir al-Manar*. Mesir: Dar al-Manar.
- Remly, M. R., Kadir, M. N. A., Othman, F., & Sabaruddin, S. A. (2019). Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahen Institusi Masjid: Kajian Kes di Masjid Cemerlang di Malaysia: Challenges in Management of Mosque Institution Activity: A Case Study in Excellence Mosque in Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 9(1), 39-51.
- Sabiq, al-Sayyid (2000). *Al-‘Aqa’id al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fath li al-I‘lam al-‘Arabi.
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2017). Pemerksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal*, 5(2).
- Wandira, A., Saleh, M., & Fuadi, A. (2023). Konsep Tazkiyat Al-Nafs Al-Ghazali Sebagai Metode Dalam Pendidikan Akhlak. *Khazanah: Journal of Islamic Studies*, 39-52.
- Yaacob, M. N. (2021). Historiografi ideologi moden Barat: Suatu pengenalan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 4(1), 38-52.